

## PERSEKITARAN PEMBELAJARAN TILAWAH AL-QURAN MURID MASALAH PENGLIHATAN DI MALAYSIA

<sup>a</sup>Hajarul Bahti Zakaria

<sup>b</sup>Ab. Halim Tamuri

<sup>c</sup>Norshidah Mohd Salleh

<sup>d</sup>Mohd Huzairi Awang@Husain

<sup>a</sup>Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

<sup>b</sup>Kolej Universiti Islam Selangor

<sup>c</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>d</sup>Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam

<sup>a</sup>hajarul@ipgkik.edu.my

<sup>b</sup>tamuri67@gmail.com

<sup>c</sup>nshidah@ukm.edu.my

<sup>d</sup>huzairi.sahabatinsani@gmail.com

**Abstrak:** Kajian ini adalah satu tinjauan yang bertujuan mengenal pasti persekitaran pembelajaran Tilawah al-Quran murid masalah penglihatan di Malaysia. Sampel kajian terdiri daripada 97 orang murid masalah penglihatan peringkat menengah atas dari Sekolah Menengah Pendidikan Khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi (Masalah Penglihatan) seluruh Malaysia. Instrumen soal selidik telah diubahsuai daripada instrumen Aderi (2008). Murid dikehendaki memberikan respon kepada sejumlah 16 indikator yang berkaitan dengan persekitaran mereka terhadap pembelajaran Tilawah al-Quran. Respon skala likert lima mata digunakan dalam soal selidik. Statistik deskriptif iaitu peratusan dan min digunakan untuk melaporkan dapatan kajian. Hasil kajian secara keseluruhan menunjukkan bahawa persekitaran pembelajaran Tilawah al-Quran murid masalah penglihatan tidak mencapai tahap yang memuaskan dan berada pada tahap rendah dengan min = 2.20, sisihan piawai = 0.58. Semua pihak ibubapa, sekolah dan masyarakat perlu menggembleng tenaga bagi meningkatkan keadaan persekitaran pembelajaran Tilawah al-Quran murid masalah penglihatan dari pelbagai aspek yang melibatkan prasarana, aktiviti, proses pembelajaran dan pengajaran, dan sokongan moral di samping meningkatkan kesedaran mereka tentang kepentingan pembelajaran Tilawah al-Quran.

**Kata kunci:** Persekitaran pembelajaran, murid masalah penglihatan, pembelajaran Tilawah al-Quran.

### PENGENALAN

Kajian ini adalah bertujuan melihat persekitaran pembelajaran murid masalah penglihatan dalam mata pelajaran Tilawah al-Quran, bagi mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah Kementerian Pendidikan di Malaysia. Kajian yang dijalankan adalah berbentuk tinjauan bagi melihat tanggapan atau gambaran umum bagaimana persekitaran murid masalah penglihatan terhadap pembelajaran Tilawah al-Quran. Isu tentang persekitaran pembelajaran sentiasa menjadi subjek kajian dan perbincangan umum dalam kalangan murid dan juga ahli akademik dalam bidang Pendidikan. Namun,

sebahagian besar kajian lebih banyak memberikan fokus terhadap murid tipikal sahaja, manakala kajian terhadap persekitaran pembelajaran Tilawah al-Quran murid masalah penglihatan agak kurang mendapat perhatian. Dalam hal ini, setiap individu Muslim harus mampu membaca al-Quran dengan betul dan baik sama ada mereka adalah insan tipikal atau insan berkeperluan khas yang melibatkan masalah penglihatan atau masalah-masalah pancaindera yang lain. Salah satu aspek asas yang perlu diberi perhatian dalam melihat pencapaian seseorang individu adalah persekitaran pembelajaran individu tersebut.

Fokus kajian ini adalah untuk meninjau persekitaran pembelajaran Tilawah al-Quran murid masalah penglihatan. Persekitaran sekolah bermakna semua keadaan, sumber dan aktiviti yang saling bersepadu secara langsung atau tidak langsung dalam memberi kesan kepada fungsi sesebuah sekolah atau institusi (Jarzabkowski, 2002). Aspek persekitaran sekolah seperti jenis sekolah, bilik darjah, dan masyarakat yang mempunyai kesan ke atas hubungan antara pengajaran dan pembangunan pelajar (Zeichner, 1986). Pelbagai faktor dalam persekitaran sekolah juga seperti sikap dan kreativiti guru dan pihak pentadbir didapati mempengaruhi amalan pengajaran guru, yang seterusnya mempengaruhi sikap dan pencapaian pelajar (Webster & Fisher, 2003). Persekitaran pembelajaran murid masalah penglihatan sangat memerlukan sokongan dan galakan bagi membantu mereka menguasai sesuatu pembelajaran dengan lebih berkesan disebabkan keadaan fizikal ketidakupayaan penglihatan yang dihadapi oleh mereka (Kef & Dekovic, 2004); Cimarolli & Wang, 2006; Stacy et al., 2015). Sokongan sosial daripada persekitaran adalah salah satu faktor penting yang dapat meningkatkan kualiti hidup semua individu termasuk golongan masalah penglihatan (Cutrona et al., 1986); Hale et al., 2005). Potensi anak-anak masalah penglihatan berkait rapat dengan faktor sikap dan peranan guru, ibubapa dan masyarakat dalam persekitaran yang membina. Keupayaan semata-mata tidak mencukupi untuk memastikan potensi pencapaian direalisasikan, mereka memerlukan didikan khusus bagi mengembangkan potensi yang ada. Penglibatan semua pihak dalam persekitaran adalah penting untuk menjamin kejayaan usaha merealisasikan hasrat pencapaian anak-anak masalah penglihatan.

### Sorotan Literatur

Murid masalah penglihatan merupakan fokus utama dalam kajian ini. Mengikut *Encyclopedia of Special Education* (1987) masalah penglihatan atau cacat penglihatan merupakan satu istilah yang merujuk kepada mereka yang tidak mempunyai daya penglihatan. Murid masalah penglihatan mungkin buta langsung atau rabun sahaja. Mereka yang mempunyai masalah penglihatan akan belajar melalui kaedah tektual, auditori dan pengalaman estetik tanpa memerlukan daya penglihatan (Khadijah et al., 2004). Murid ini merupakan murid yang memerlukan program pendidikan khas dan perkhidmatan yang berkaitan dan bersesuaian dengannya (Hallahan & Kauffman, 1994). Pendidikan khas diperlukan oleh kumpulan sasar

ini kerana mereka boleh belajar dan berpotensi untuk memajukan diri sendiri sepenuhnya. Murid istimewa memerlukan pendidikan khas kerana keperluan pembelajaran mereka berbeza daripada murid tipikal. Perbezaan kaedah pembelajaran mereka bergantung kepada masalah yang dihadapi seperti terencat akal, masalah pembelajaran, masalah pendengaran atau masalah penglihatan (Wong 2006). Persekitaran yang menyokong akan lebih membantu mereka untuk mencapai kecemerlangan dalam pembelajaran.

Sokongan sosial adalah sokongan yang diperolehi oleh seseorang individu daripada individu dalam keadaan mereka percaya mereka dijaga dan diberi perhatian, dihormati dan dihargai dan menjadi sebagai sebahagian daripada rangkaian komunikasi yang saling lengkap-melengkapi (Kim et al., 2008). Beberapa keadaan persekitaran yang perlu diberi perhatian bagi meningkatkan sokongan sosial dalam kalangan golongan masalah penglihatan. Antaranya ialah kemudahan yang memenuhi keperluan dan bersesuaian dengan ketidakupayaan mengikut persekitaran mereka. Kebanyakan infrastruktur yang disediakan tidak mampu digunakan kerana ciri-ciri infrastruktur tersebut tidak boleh diakses oleh mereka. Selain daripada itu, aktiviti yang dijalankan tidak mendapat sokongan daripada masyarakat di sekeliling, tenaga sukarela dari kalangan masyarakat sukar didapati untuk membantu mereka dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan didapati kurang memberi keseronokan. Perkara ini disebabkan tidak ramai individu masyarakat yang memahami keadaan dan keperluan yang perlu diambil kira terhadap golongan masalah penglihatan. Masyarakat tidak mampu memberikan perkhidmatan yang bersesuaian kepada mereka dan kurang mendapat pendedahan yang tepat tentang keperluan mereka (Stacy et al., 2015).

Kajian tentang persekitaran pembelajaran murid banyak dilaksanakan sama ada dalam bidang Pendidikan Islam atau pun Pendidikan Khas (Myazatul Akma, 2012; Norimah et al., 2012; Salina et al., 2007; Ajuwon & Craig, 2007; Zalizan et al., 2012). Walau bagaimanapun fokus terhadap persekitaran pembelajaran murid masalah penglihatan dalam bidang Pendidikan Islam, khususnya dalam pembelajaran Tilawah al-Quran masih kurang dilakukan. Persekitaran pembelajaran memainkan peranan penting bagi melahirkan individu yang cemerlang. Sekiranya keadaan persekitaran pembelajaran murid adalah positif, pasti akan melahirkan impak yang positif kepada pencapaiannya dan begitulah sebaliknya (Seri Bunian, 2012). Kajian ini dilaksanakan

untuk melihat apakah tahap persekitaran pembelajaran Tilawah al-Quran murid masalah penglihatan. Persekitaran tersebut pada dasarnya memberikan impak kepada penguasaan al-Quran murid-murid masalah penglihatan di sekolah-sekolah menengah di Malaysia.

### METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian kuantitatif, menggunakan rekabentuk penyelidikan deskriptif berbentuk tinjauan (*survey*) melalui instrumen soal selidik tentang persekitaran pembelajaran Tilawah al-Quran murid masalah penglihatan. Data yang dikumpul dapat menjelaskan satu bentuk persekitaran terhadap pembelajaran Tilawah al-Quran dari pandangan murid masalah penglihatan. Pengkaji memilih kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) merujuk kepada prosedur persampelan di mana sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu dipilih sebagai responden kajian (Chua, 2006). Sampel yang dipilih adalah mempunyai ciri-ciri berikut iaitu semua murid Muslim, murid menengah atas yang rabun atau buta. Populasi kajian ini adalah murid-murid Islam masalah penglihatan di Sekolah Menengah Pendidikan

Khas (SMPK) dan juga sekolah-sekolah menengah harian biasa yang melaksanakan program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) (Masalah Penglihatan) di seluruh Malaysia. Pengkaji menggunakan jadual penentuan saiz sampel Krejcie & Morgan 1970 untuk menentukan saiz sampel bagi kajian ini. Jumlah populasi adalah seramai 123 orang. Menurut Krejcie & Morgan (1970), jumlah populasi 120 memerlukan sampel seramai 92 orang responden. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji mengambil seramai 100 sampel sebagai responden. Sampel melebihi seramai 8 orang untuk mengelakkan wujudnya data yang tidak mencukupi atau *missing value* semasa dalam kajian sebenar. Setelah kajian dilaksanakan dan kutipan data diperolehi, hanya 97 orang responden yang mengembalikan soal selidik.

### Dapatan kajian

Jadual 1, Jadual 2, dan Jadual 3 menunjukkan profil murid mengikut jantina, jenis sekolah dan jenis kecacatan murid yang terlibat. Berikut dipaparkan taburan sampel berdasarkan jantina dalam Jadual 1:

*Jadual 1 - Profil murid mengikut jantina*

Jantina responden	N	Peratus
Murid lelaki	54	55.7
Murid perempuan	43	44.3
<b>Jumlah</b>	<b>97</b>	<b>100</b>

Jadual 2 menunjukkan sebahagian besar responden kajian adalah terdiri daripada murid-murid sekolah menengah harian yang terlibat dengan Program Pendidikan Khas Integrasi (Masalah Penglihatan) Kementerian Pendidikan

Malaysia. Manakala selebihnya adalah murid daripada Sekolah Menengah Pendidikan Khas. Taburan sampel mengikut kategori sekolah dipaparkan dalam Jadual 2 berikut :

*Jadual 2 - Profil murid mengikut kategori sekolah*

Kategori sekolah	N	Peratus
Sekolah Menengah Pendidikan Khas (SMPK)	39	40.2
Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)	58	59.8
<b>Jumlah</b>	<b>97</b>	<b>100</b>

Berdasarkan Jadual 3, bilangan responden rabun adalah melebihi responden buta dalam kajian ini. Analisis silang yang dibuat terhadap responden mendapati 14 murid lelaki adalah buta dan 40 lagi adalah rabun. Manakala bagi responden

perempuan pula seramai 17 orang murid adalah buta dan 26 responden adalah rabun. Taburan sampel berdasarkan jenis kecacatan dipaparkan dalam Jadual 3 berikut :

*Jadual 3 - Profil murid mengikut jenis kecacatan*

Kategori sekolah	N	Peratus
Buta	31	32
Rabun	66	68
<b>Jumlah</b>	<b>97</b>	<b>100%</b>

Secara keseluruhannya persekitaran pembelajaran Tilawah al-Quran murid masalah penglihatan berada pada tahap yang rendah dengan skor min keseluruhan 2.20, SP=0.58. Seramai 76 orang murid (78.4%) berada pada skor min tahap rendah. 17 orang murid (17.56%) berada pada

skor min tahap sederhana. Manakala 4 orang murid (4.1%) sahaja yang menunjukkan skor min pada tahap tinggi. Jadual 4 berikut menunjukkan min interpretasi tahap persekitaran pembelajaran Tilawah al-Quran murid masalah penglihatan.

*Jadual Error! No text of specified style in document. - Min keseluruhan tahap persekitaran pembelajaran tilawah al-Qur'an murid masalah penglihatan*

Skor min	f	%	Tahap
1.00 hingga 2.33	76	(78.4%)	Rendah
2.34 hingga 3.66	17	(17.5%)	Sederhana
3.67 hingga 5.00	4	(4.1%)	Tinggi
Min Keseluruhan = 2.20	Sisihan Piawai = 0.58		

Analisis terperinci persekitaran pembelajaran Tilawah al-Quran murid ditunjukkan dalam Jadual 5 berikut, analisis min tersebut dipecahkan kepada dua aspek iaitu aspek pertama melibatkan

persekitaran tempat tinggal dan sokongan ibubapa, aspek kedua melibatkan persekitaran sekolah dan sokongan guru.

*Jadual 5 - Min persekitaran pembelajaran tilawah al-Quran murid masalah penglihatan mengikut aspek*

Item	Min	Tahap
Persekitaran tempat tinggal dan sokongan ibubapa	2.20	R
Persekitaran sekolah dan sokongan guru	2.20	R
<b>Min keseluruhan</b>	<b>2.20</b>	<b>R</b>

Min persekitaran tempat tinggal dan sokongan ibubapa ialah 2.20. Ini menunjukkan persekitaran tempat tinggal dan sokongan ibubapa terhadap pembelajaran Tilawah al-Quran murid masalah penglihatan berada pada tahap rendah. Ini dibuktikan dengan skor min item yang rendah antara 2.09-2.27 sahaja bagi kesemua subkonstruk. Kajian mendapati ibu bapa agak kurang memberi sokongan dalam pembelajaran al-Quran murid masalah penglihatan min=2.18, SP=0.90. Begitu juga dengan bantuan ibubapa yang menggalakkan anak agar belajar al-Qur'an adalah sangat kurang, min=2.09, SP=1.00. Keluarga murid masalah penglihatan didapati kurang berjaya membantu anak untuk menguasai al-Qur'an min=2.22, SP=1.05. Persekitaran rumah juga kurang memberi sokongan untuk memperbaiki kemahiran bacaan al-Quran min=2.19, SP=0.88. Ini menunjukkan persekitaran tempat tinggal dan ibu bapa tidak menyokong pembelajaran Tilawah al-Quran murid masalah penglihatan untuk menguasai al-Qur'an.

Min persekitaran sekolah dan sokongan guru, adalah sama dengan min persekitaran tempat tinggal dan sokongan ibubapa min=2.20. Dapatan ini menunjukkan persekitaran sekolah,

sokongan guru, prasarana, dan rakan-rakan dalam persekitaran murid masalah penglihatan dalam pembelajaran Tilawah al-Qur'an juga adalah rendah. Daripada kesemua 10 item dalam aspek ini hanya 2 item berada pada tahap sederhana, manakala 8 item yang lain berada pada tahap rendah. Suasana pembelajaran di sekolah didapati kurang menekankan pembelajaran al-Qur'an min=2.39, SP=1.00 dan juga tidak mendorong untuk mempelajari al-Qur'an min=2.22, SP=0.94. Aktiviti-aktiviti menarik untuk menggalakkan murid lebih meminati al-Qur'an agak kurang dijalankan min=2.14, SP=1.02. Selain daripada itu, suasana bilik darjah min=2.02, SP=0.96 dan surau min=2.08, SP=1.05, juga didapati kurang selesa untuk menarik minat murid mempelajari al-Qur'an. Kajian juga mendapati persekitaran yang melibatkan rakan-rakan juga memberi kesan kepada pembelajaran Tilawah al-Quran murid masalah penglihatan. Ramai responden yang terpengaruh dengan rakan untuk mempelajari al-Qur'an. Apabila kebanyakan rakan kurang berminat untuk meningkatkan diri dalam penguasaan tilawah al-Qur'an, maka dengan sendirinya individu yang lain turut tidak berminat untuk mempelajari min=1.86, SP=0.87. Item rakan ini menduduki skor min paling rendah

dalam dapatan ini menunjukkan rakan di sekeliling murid masalah penglihatan tidak mendorong mereka untuk menguasai al-Qur'an.

Walaupun guru Pendidikan Islam di sekolah didapati kurang berusaha membantu murid masalah penglihatan menguasai al-Quran min=2.29, sisihan piawai=1.01, masih ada usaha dijalankan untuk membantu murid menguasai Tilawah al-Quran dalam program penambahbaikan Tilawah al-Quran terhadap murid. Wujudnya usaha-usaha untuk memperbaiki tilawah al-Quran murid, anjuran pihak asrama yang telah mengadakan kelas al-Quran dengan bantuan murid yang agak pandai bagi mengatasi masalah tenaga pengajar. Walau bagaimanapun, usaha-usaha tersebut masih belum mencukupi untuk memastikan murid dapat menguasai al-Quran dengan baik kerana memerlukan komitmen yang tinggi daripada semua pihak, sama ada guru mahupun pihak sekolah dalam merancang aktiviti yang sesuai dan menarik minat murid. Ini menunjukkan suasana persekitaran dan aktiviti di sekolah masih kurang membantu murid masalah penglihatan dalam pembelajaran tilawah al-Quran. Secara keseluruhannya persekitaran pembelajaran Tilawah al-Quran murid masalah penglihatan berada pada tahap yang rendah dengan skor min keseluruhan 2.20, SP=0.58. Berdasarkan item persekitaran yang terdapat dalam Jadual 5 di atas, pengkaji membahagikan perbincangan persekitaran pembelajaran Tilawah al-Quran murid masalah penglihatan kepada 2 aspek utama iaitu aspek persekitaran yang melibatkan tempat tinggal dan sokongan ibu bapa dan aspek persekitaran yang melibatkan sekolah dan sokongan guru.

#### **PERBINCANGAN**

Keluarga murid masalah penglihatan didapati kurang berjaya membantu murid dalam pembelajaran Tilawah al-Quran. Ibu bapa kurang mengambil berat tentang penguasaan al-Quran anak-anak mereka. Ini menunjukkan keluarga murid masalah penglihatan kurang mewujudkan persekitaran yang mampu membantu anak-anak mereka dalam pembelajaran Tilawah al-Quran, sedangkan keakraban sesebuah keluarga mampu mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak (Denicolo & Corbin, 1998; Abd. Razak & Noraini, 2011). Sifat membantu anak-anak ini perlu diperbaiki dan ditingkatkan dalam kalangan keluarga terutamanya keluarga murid masalah penglihatan.

Ibu bapa juga kurang memberi perhatian terhadap murid dalam aspek aktiviti di sekolah. Kerjasama ibubapa dalam aktiviti yang

melibatkan sekolah juga adalah kurang sehingga memberi kesan kepada perkembangan pembelajaran mereka. Murid tidak akan mampu berdiri sendiri atau terus mengekalkan kecemerlangan mereka tanpa adanya sokongan yang kuat dari ibubapa (Abd. Razak & Noraini 2011; Rohaty et al., 2010; Mohd Zuri, 2006). Perkara yang sama berlaku dalam kalangan murid masalah penglihatan, sokongan ibubapa, guru dan persekitaran yang bersifat negatif dan tidak kondusif untuk pembelajaran memberikan kesan kepada pembelajaran Tilawah al-Quran murid. Ibubapa, guru dan persekitaran sepatutnya perlu menjadi pembantu yang kuat untuk meningkatkan pencapaian murid memandangkan ketidakupayaan penglihatan yang ada pada mereka (Berns, 1993; Zakaria et al., 2012).

Selain daripada itu, persekitaran tempat tinggal juga memainkan peranan penting dalam pembentukan murid yang cemerlang. Kajian mendapati persekitaran tempat tinggal murid masalah penglihatan adalah kurang kondusif dan kurang mendorong mereka dalam pembelajaran al-Quran. Ramai murid didapati berada dalam persekitaran keluarga yang kurang membantu mereka untuk belajar al-Qur'an. Tidak ramai murid bersetuju bahawa belajar al-Quran di rumah lebih baik untuk mereka menguasai Tilawah al-Quran. Persekitaran tempat tinggal mereka tidak menekankan pembelajaran al-Quran serta tidak mendorong mereka untuk mendalami ilmu-ilmu al-Quran. Hanya sedikit sahaja murid yang berada dalam persekitaran suasana pembelajaran di rumah yang mendorong untuk memperbaiki kemahiran Tilawah al-Quran mereka. Suasana tidak kondusif yang diwujudkan oleh ibu bapa dan juga adik-beradik di rumah menghilangkan minat untuk murid masalah penglihatan mempelajari al-Quran.

Ibu bapa perlu mempelajari kemahiran-kemahiran yang bersesuaian untuk membantu anak-anak masalah penglihatan. Ibu bapa perlu mahir dengan tajwid dan pengajaran Tilawah al-Quran untuk individu yang mempunyai masalah penglihatan agar boleh memberi bimbingan yang sepatutnya kepada anak-anak mereka mengikut tahap kesukaran yang dialami. Murid masalah penglihatan memang sangat memerlukan bimbingan berterusan dari individu yang berautoriti seperti ibubapa dan juga guru-guru (Vygotsky, 1978) untuk meningkatkan pencapaian dan memudahkan kefahaman mereka dalam sesuatu konsep pembelajaran. Pengkaji beranggapan ibubapa kurang memberikan bimbingan, sokongan dan bantuan kepada anak yang masalah penglihatan dalam pembelajaran Tilawah al-Quran kerana mereka sendiri tidak

mempunyai maklumat dan kemahiran yang banyak dalam bidang tersebut. Dalam masa yang sama, ibubapa juga tidak mempunyai maklumat dan kemahiran tentang masalah penglihatan yang dialami dan kaedah untuk menanganinya sebagaimana kemahiran pakar-pakar dalam bidang pendidikan penglihatan, kerana kemahiran tersebut memang sangat perlu dikuasai oleh para ibubapa untuk membantu anak-anak masalah penglihatan (Magdalena & Boguslaw, 2015). Dengan adanya kemahiran yang diperlukan dan bersesuaian, ibubapa juga boleh bekerjasama dengan pihak institusi pendidikan dengan cara memberikan idea dan pandangan yang bersesuaian bagi menangani masalah yang dihadapi oleh anak-anak mereka (Lauren et al., 2014). Sebagai kesimpulannya sokongan ibubapa dalam persekitaran pembelajaran Tilawah al-Quran murid masalah penglihatan perlu dipertingkatkan dengan kerjasama dan usaha berterusan menggunakan pelbagai sumber sokongan yang sepatutnya.

Guru dan persekitaran sekolah juga sangat penting dalam membantu pembelajaran murid. Prasarana yang bersesuaian perlu ada bagi membentuk persekitaran pembelajaran yang kondusif selain daripada sokongan ibu bapa dan tempat tinggal. Walau bagaimanapun kajian ini mendapati persekitaran prasarana dalam kalangan murid masalah penglihatan juga kurang memuaskan. Suasana bilik darjah didapati kurang selesa untuk mempelajari al-Quran. Selain kelas, surau juga sering digunakan untuk pembelajaran al-Quran, walau bagaimanapun kajian mendapati keadaan surau juga adalah kurang selesa untuk pembelajaran Tilawah al-Quran.

Bagi memastikan persekitaran pembelajaran yang positif diwujudkan, semua pihak perlu memainkan peranan penting dalam pembentukan murid, meliputi persekitaran ibu bapa di rumah, persekitaran masyarakat dan juga persekitaran sekolah (Holbrook & Koenig, 2010) (Long & Hoy, 2006). Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati persekitaran pembelajaran Tilawah al-Quran murid masalah penglihatan agak kurang memuaskan. Suasana pembelajaran di sekolah yang menekankan pembelajaran al-Quran berada pada tahap sederhana, penglibatan GPI dalam membantu murid mempelajari Tilawah al-Qur'an di sekolah juga berada pada tahap sederhana. Suasana persekitaran pembelajaran murid tidak berada pada tahap yang tinggi, dan tidak kondusif untuk pembelajaran al-Quran yang efektif. Sedangkan persekitaran budaya sepatutnya memberi bimbingan dan bantuan dalam bentuk aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang lebih kreatif dan berbeza

terhadap murid-murid masalah penglihatan berbanding amalan terhadap murid-murid tipikal (Vygotsky, 1978).

Kebiasaannya murid masalah penglihatan mempunyai tahap perkembangan yang sedikit rendah berbanding murid biasa disebabkan kemampuan keupayaan penglihatan mereka. Pembelajaran yang dilakukan secara interaktif dalam kumpulan yang melibatkan rakan sebaya adalah sangat sesuai bagi membantu meningkatkan pencapaian murid masalah penglihatan dalam kemahiran membaca. Walau bagaimanapun, keadaan ini kurang berlaku dalam persekitaran pembelajaran Tilawah al-Quran murid masalah penglihatan. Individu yang berketrampilan iaitu guru dan rakan sebaya sepatutnya dapat mengenal pasti corak dan bentuk bimbingan yang bersesuaian dengan aras perkembangan murid masalah penglihatan. Guru didapati tidak berusaha membantu murid untuk menguasai Tilawah al-Quran. Perkara ini berlaku mungkin disebabkan kekangan masa serta bebanan tugas yang banyak di peringkat guru-guru. Pengajaran hanya berlaku di dalam kelas, guru tidak berpeluang untuk mengajar dan melakukan perjumpaan dengan murid di luar kelas kerana kesibukan dengan tugas-tugas lain.

Suasana persekitaran di sekolah menengah murid masalah penglihatan juga dilihat kurang memberikan sokongan untuk murid mempelajari dan menguasai al-Quran. Ramai murid berpandangan bahawa suasana pembelajaran di sekolah tidak mendorong mereka untuk mempelajari al-Quran. Aktiviti di sekolah kurang memberi galakan kerana aktiviti menarik dalam pembelajaran Tilawah al-Quran yang dilaksanakan di sekolah sangat kurang sehingga membuatkan minat mereka untuk menguasai al-Quran juga berkurangan. Oleh itu, guru perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran tinggi tentang murid masalah penglihatan. Antara punca kelemahan sesuatu program ialah sistem penilaian yang tidak sistematik dan mempunyai tenaga pengajar yang tidak terlatih ((Alias et al., 2011; Khadijah & Norshidah, 2009). Guru merupakan antara orang yang terpenting dalam menentukan dan memastikan kejayaan setiap murid. Oleh itu, guru perlulah cakna dengan kemampuan dan kebolehan setiap individu murid di samping memberikan cabaran-cabaran serta dorongan yang boleh meningkatkan pencapaian setiap murid masalah penglihatan.

Walaupun proses kognitif murid masalah penglihatan adalah sama dengan murid tipikal, tidak ada perbezaan yang signifikan di antara murid buta dengan murid yang dapat melihat, tetapi mereka tetap memerlukan kaedah dan

pendekatan yang berbeza dalam pembelajaran kerana masalah penglihatan yang dialami dan membataskan mereka untuk menerima maklumat (Charles & Kolk, 1981; Zainora & Rokiah, 2011). Kekurangan ini tidak bermakna mereka tidak boleh menerima dan menguasai maklumat sama sebagaimana murid tipikal (Hallahan & Kauffman 1994), tetapi guru perlu peka dengan kepelbagaian ciri murid masalah penglihatan untuk meningkatkan potensi diri mereka dalam menerima pengajaran yang diajar. Guru adalah faktor penyumbang terhadap pencapaian murid (Mohd Zuri 2006). Kepekaan guru untuk meningkatkan potensi murid dalam pelbagai bidang juga perlu diinterpretasikan kepada murid masalah penglihatan, memandangkan potensi kognitif mereka yang sama dengan murid tipikal. Selain daripada itu, guru juga boleh berkongsi dengan ibu bapa tentang kemahiran menangani anak-anak masalah penglihatan dan ibubapa boleh mempraktikkan kemahiran tersebut di rumah dengan cara yang tidak memberi tekanan kepada anak-anak bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dal Tilawah al-Quran. Guru mempunyai peranan besar sebagai penyumbang kepada pencapaian yang baik dalam kalangan murid masalah penglihatan.

Program pembelajaran berterusan selepas waktu persekolahan sangat baik untuk meningkatkan pencapaian murid dalam pembelajaran (Lauren et al. 2014). Usaha mewujudkan persekitaran pembelajaran al-Qur'an yang berkesan, boleh dilaksanakan dengan memberikan pendedahan al-Quran tambahan kepada murid bagi menguatkan lagi asas pembelajaran Tilawah al-Quran mereka. Dalam masa yang sama, usaha guru-guru agama di kawasan tempat tinggal murid masalah penglihatan perlu memainkan peranan dalam mendidik murid mengenali asas pendidikan al-Quran (Mohd Aderi & Rohani, 2009), tetapi kajian ini mendapati perkara tersebut tidak berlaku dalam kalangan murid masalah penglihatan. Justeru dalam hal ini, guru Tilawah al-Quran dan juga guru agama harus meluaskan peranan mereka untuk memberikan pendidikan asas al-Quran terhadap murid masalah penglihatan memandangkan mereka tidak mempunyai saluran yang banyak untuk mendapatkan pendidikan asas al-Quran daripada guru-guru yang berpengalaman (Khadijah & Norshidah 2009; Mustafa, 2010). Kekurangan saluran yang pelbagai untuk mendapatkan pendidikan asas al-Quan ini adalah di antara faktor yang menyebabkan persekitaran pembelajaran Tilawah al-Quran murid masalah penglihatan berada pada tahap yang rendah.

Suasana pembelajaran yang negatif berlaku dalam kalangan murid masalah penglihatan ini disebabkan beberapa perkara, antaranya ialah perbezaan keupayaan fizikal, persepsi dan sokongan yang kurang daripada masyarakat sekeliling sama ada guru, sekolah atau ibu bapa terhadap pembelajaran menyebabkan suasana persekitaran dan aktiviti di sekolah sangat kurang membantu penguasaan Tilawah al-Quran murid masalah penglihatan. Keadaan persekitaran serta aktiviti tersebut perlu diperbaiki bagi mewujudkan persekitaran yang lebih positif dalam pembelajaran Tilawah al-Quran. Apabila persekitaran adalah positif, sudah tentu akan memberikan impak yang positif kepada pembelajaran murid. Persekitaran pembelajaran murid amat penting dalam usaha untuk membentuk pembelajaran yang berkesan (Lauren et al., 2014; Muna et al., 2014; Kendra, 2015 dan Stacy et al., 2015). Oleh itu, masyarakat sekeliling sama ada guru, sekolah atau ibu bapa perlu memainkan peranan penting bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif kepada murid masalah penglihatan dalam pembelajaran Tilawah al-Quran. Sekiranya semua pihak kurang memberikan tumpuan kepada mereka, minat murid untuk belajar akan hilang, tetapi sebaliknya jika semua pihak bersama-sama menggembeling tenaga untuk mewujudkan persekitaran yang menggalakkan pembelajaran Tilawah al-Quran dalam kalangan murid masalah penglihatan, sudah tentu motivasi diri yang tinggi akan timbul dengan sendirinya dalam diri murid, yang seterusnya akan membawa kepada meningkatnya keadaan tahap persekitaran pembelajaran Tilawah al-Quran dalam kalangan murid masalah penglihatan.

#### **KESIMPULAN**

Melihat kepada aspek yang ditinjau, kajian yang dijalankan mendapati golongan murid masalah penglihatan di Malaysia mempunyai persekitaran pembelajaran yang negatif terhadap Tilawah al-Quran. Sekiranya dilihat dari aspek persekitaran tempat tinggal, ibubapa, sekolah dan guru-guru, dapatan kajian menunjukkan murid mengakui bahawa semua aspek tersebut kurang membantu dalam persekitaran pembelajaran Tilawah al-Quran mereka. Dapatan kajian ini menunjukkan satu bentuk persekitaran yang agak rendah dan negatif dalam daripada ibubapa dan juga pihak sekolah terhadap pembelajaran al-Quran. Para murid telah menunjukkan pandangan yang rendah dalam sikap mereka untuk mempelajari al-Quran disebabkan aspek-aspek persekitaran yang kurang positif. Dapatan ini menunjukkan elemen kesedaran dan motivasi serta dorongan untuk

mempelajari al-Quran sangat kurang diperolehi oleh murid masalah penglihatan ini, begitu juga peranan guru-guru dan ibubapa serta masyarakat dalam membantu murid masalah penglihatan perlu dipertingkatkan bagi meningkatkan minat mereka untuk mempelajari al-Quran. Faktor persekitaran ini memberikan impak yang besar ke arah penguasaan al-Quran yang baik dalam kalangan murid masalah penglihatan di Malaysia. Semua pihak yang bertanggungjawab perlu memperbaiki peranan masing-masing untuk meningkatkan motivasi murid masalah penglihatan terhadap pembelajaran Tilawah al-Quran. Di samping itu juga, pelbagai galakan dan dorongan perlu diberikan kepada guru agar dapat meningkatkan kesedaran murid untuk belajar, dan dalam masa yang sama juga dapat meningkatkan kesediaan guru sendiri untuk melaksanakan pengajaran Tilawah al-Quran dan melaksanakan pelbagai aktiviti yang menarik dengan sebaik mungkin di peringkat sekolah.

## Rujukan

- Abd. Razak Zakaria & Noraini Mohd Salleh. (2011). Konteks keluarga dan hubungannya dengan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36 (1), 35-44.
- Ajuwon, P.M., & Craig, C.J.. (2007). Distance education in the preparation of teachers of the visually impaired and orientation and mobility specialists: Profile of a new training paradigm. *RE:view*, 39, 3-14.
- Alias Mat Saad, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Ruhizan Mohammad Yassin. (2011). Penilaian kemudahan pembelajaran, peruntukan kewangan dan kursus dalam perkhidmatan bagi kursus Pendidikan Islam di Politeknik Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3 (1), 123-134.
- Berns. R.M. (1993). *Child, family, community: Socialization and support*. Fort Worth: Harcourt Brace: Javanorich College Publisher.
- Charles. J & Vander Kolk. (1981). *Assessment and planning with the visually impaired*. Baltimore: University Park Press.
- ChuaYanPiaw. (20067). *Kaedah Penyelidikan (Buku 1)*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Cimarolli, V.R., & Wang, S. (2006). Differences in social support among employed and unemployed adults who are visually impaired. *Journal of Visual Impairment & Blindness*, 100, 545-556.
- Cutrona, C., Russell, D., & Rose, J. (1986). Social support and adaptation to stress by the elderly. *Psychology and Aging*, 1, 47-54.
- Denicolo, P, Lee-Corbin,H. (1998). Portraits of the able child: Highlight of case study research. *High Ability Studies*, Dis 9(2), 207-219.
- Hale, C.J., Hannum, J.W., & Espelage, D.L. (2005). Social support and physical health: The importance of belonging. *Journal of American College Health*, 53, 276-284.
- Hallahan, D.P & Kauffman, J.M. (1994). *Exceptional children: Intriduction to special education. 6 th Ed*. Boston: Allyn & Bacon.
- Jarzabkowski.L.M. (2002). The social dimensions of teacher collegiality. *Journal of Educational Enquiry* 3(2), 1-20.
- Kef, S., & Dekovic, M. (2004). The role of parental and peer support in adolescents' well-being: A comparison of adolescents with and without a visual impairment. *Journal of Adolescence*, 27(4), 453-466.
- Kendra, R. F. (2015). Using a group approach to motivate adults to learn braille. *Journal of Visual Impairment & Blindness*, (July-August), 318-321.
- Khadijah Abdul Razak & Norshidah Mohd Salleh. (2009). Kemahiran membaca al-Quran dalam kalangan murid bermasalah penglihatan. *Seminar Serantau Pendidikan Inklusif dan Pendidikan Kanak-kanak Berkeperluan Khas*.
- Khadijah Abdul Razak, Norani Mohd Salleh & Norshidah Mohd Salleh. (2004). Strategi pengajaran al-Quran di kalangan murid bermasalah penglihatan. *Seminar Kebangsaan Pendidikan Khas Kejayaan Kanak-kanak Berkeperluan Khas: Perkongsian Bersama*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kim, H.S., Sherman, D.K., & Taylor, S.E. (2008). Culture and social support. *American Psychologist*, 63, 518-526.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* (30), 608-619.
- Lauren J, Lieberman, Justin A. Haegele, Luis Columna & Paula Conroy. (2014). How students with visual impairments can learn components of the expanded core curriculum through physical education. *Journal of Visual Impairment & Blindness*, May-Jun, 239-248.
- Long, J.F & Hoy A.W. (2006). Interested instructors: A composite portrait of individual differences and effectiveness.

- Teaching and Teacher Education Vol 22(3)*, 303-314.
- M. Cay Holbrook & Alan J. Koenig. (2010). Basics techniques for modifying instruction. In M. C. Koenig, *Instructional Strategies for teaching children and youths with visual impairments* (pp. 173-195). USA: American Foundation for the blind.
- Magdalena Szubielska & Boguslaw Marek. (2015). The role of visual experience in changing the size of objects in imagery processing. *Journal of Visual Impairment & Blindness, (Jan-Feb)*, 43-53.
- Mohd Aderi Che Noh & Rohani Ahmad Tarmizi. (2009 ). Persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran Tilawah al-Quran. *Jurnal Pendidikan Malaysia 34(1)*, 93-109.
- Mohd Zuri Ghani. (2006). *Sumbangan faktor ciri keluarga, personaliti, sikap dan tekanan terhadap pencapaian pelajar pintar cerdas akademik*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muna, S. Hadidi & Jamal, M Al Khateeb. (2014). A comparison of social support among adolescents with and without visual impairments in Jordan: A case study from the Arab Region. *Journal of Visual Impairment & Blindness, Sept-Okt*, 414-427.
- Mustaffa Abdullah. (2010). Pengajian al-Quran dalam Kalangan warga cacat penglihatan di Malaysia. *Jurnal al-Bayan*, 21-34.
- Myazatul Akma Mohammad. (2012). *Hubungan persekitaran bilik darjah dan sikap pembelajaran terhadap prestasi pelajar Institut Kemahiran MARA Lumut, Perak*. Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UPSI: Unpublished, Projek Sarjana Pendidikan.
- Norimah Mat Som, Zalizan Mohd Jelas, Mohd Mokhtar Tahar, Mohd Hanafi Moh Yasin. (2012). Persepsi pelajar bermasalah penglihatan terhadap pengajaran dan pembelajaran bereraskan amali dalam subjek Kemahiran Hidup. *Seminar International Pasca Siswazah Pendidikan Khas UKM-UPI Siri II 2012* (pp. 828-838). Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norshidah Mohd Salleh. (2009). Sistem sokongan untuk pelajar bermasalah penglihatan di IPT. *Seminar Serantau Pendidikan Inklusif dan Pendidikan Kanaka-kanak Berkeperluan Khas*.
- Rohaty Mohd Majzub, Noriah Mohd Ishak & Ramlah Jantan. (2010). Pengaruh kualiti pertautan pelajar asrama dengan ibu bapa dan rakan-rakan ke atas penyesuaian akademik, sosial dan emosi. *International Journal of Learner Diversity, 2 (1)*, 59-74.
- Salina Hamed, Peridah Bahari, Dr. Abdul Ghani Kanesan. (2007). *Persekitaran pembelajaran Matematik dan hubungannya dengan sikap serta pencapaian pelajar terhadap Matematik: Satu kajian kes di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan Empat di Daerah Seberang Perai*. UiTM.
- Seri Bunian Mokhtar. (2012). *Faktor persekitaran pembelajaran, pendekatan pembelajaran dan kemahiran generik dalam kalangan pelajar Politeknik*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Unpublished (Tesis Doktor Falsafah Fakulti Pendidikan).
- Stacy. M, Kelly, Paul. M & Karen. E, Wolffle . (2015). The Recreation and Leisure Pursuits of Employed Adults with Visual Impairments in Nigeria: Part 1. *Journal of Visual Impairment*, 19-30.
- Vygotsky, L. (1978). *Mind in society, The Development of higher psychological processes*. Cambridge, Massachusetts: Havard University Press.
- Webster, B.J. & Fisher, D.L. (2003). *School level environment and student outcomes in mathematics. Learning Environment Research 6: 309-326*.
- Zainora Mohammed & Rokiah Omar. (2011). Comparison of reading performance between visually impaired and normally sighted students in Malaysia. *The British Journal of Visual Impairment, 29 (3)*, 196-207.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. (2012). Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari, Special edition*, 155-172.
- Zalizan Mohd Jelas, Manisah Mohd Ali, Norshidah Mohd Salleh & Nor Aniza Ahmad. (2012). *Disiplin positif di dalam bilik darjah yang inklusif mesra pembelajaran*. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Zeichner.K. (1986). *The ecology of field experience: toward an understanding of the role of field experiences in teacher development*. In. Tajuk buku, edited by Habermun, M & Backus, J.M. *Advances in Teacher Education 3: 94-117*.